

17 JUN 1999

Mahathir-Calon

BEKAS ANGGOTA S46 LAYAK DICALONKAN PADA PILIHAN RAYA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang menyertai Umno layak untuk dicalonkan pada pilihan raya umum akan datang walaupun mereka tidak memenuhi syarat keanggotaan lima tahun.

"Keputusan ini dibuat selepas mereka (anggota S46) menyertai Umno," kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di ibu pejabat parti, di sini.

Perdana Menteri berkata syarat keanggotaan lima tahun itu terpakai hanya untuk mereka yang menyertai Umno sebagai anggota baru.

Dr Mahathir berkata beliau terpaksa menjelaskan mengenai perkara itu berikutan kenyataannya pada mesyuarat tertutup menjelang perhimpunan agung Umno di sini semalam, bahawa anggota Umno mestilah menganggotai parti itu selama lima tahun sebelum mereka layak dicalonkan pada pilihan raya umum.

Beliau berkata bekas anggota S46 kini merupakan anggota Umno sepenuhnya.

"Tidak ada diskriminasi terhadap mereka," katanya.

Ketika ditanya sama ada keputusan membenarkan bekas anggota S46 yang kini menganggotai Umno untuk layak bertanding dalam pilihan raya umum akan diterima dengan baik oleh anggota-anggota Umno, Dr Mahathir berkata: "Apa yang kami tahu ialah mereka adalah anggota Umno. Mereka bukan anggota S46. Mereka adalah anggota Umno."

"Jangan diskriminasikan atau bezakan antara anggota Umno dan anggota Umno bekas S46," kata beliau.

Dr Mahathir berkata anggota Umno perlu bersedia menerima sesiapa sahaja sebagai anggota parti.

Sambil meminta anggota Umno supaya tidak menjadikannya satu isu, beliau berkata: "Anggota-anggota parti perlu bersedia menerima sesiapa sahaja sebagai anggota. Dan mereka yang bukan anggota (Umno) juga harus bersedia menerima mereka jika mereka mahu menyertai Umno."

Ditanya sama ada langkah membenarkan bekas anggota S46 yang kini menganggotai Umno untuk layak bertanding dalam pilihan raya merupakan satu petunjuk bahawa bekas presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah akan dilantik sebagai ketua perhubungan Umno Kelantan, Dr Mahathir berkata: "Tidak, ini adalah hanya satu penjelasan."

Ketika ditanya sama ada Umno mempunyai rancangan untuk memperkuatkan Umno Kelantan dengan melantik Tengku Razaleigh sebagai ketua Umno negeri itu, Dr Mahathir berkata beliau belum memikirkan mengenai perkara itu.

Presiden Umno itu juga berkata Majlis Tertinggi (MT) berpuas hati dengan persiapan menjelang Perhimpunan Agung Umno esok.

Menurutnya MT turut berpuas hati dengan perjalanan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno yang berlangsung hari ini.

Beliau berkata Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaacob juga mengangkat sumpah sebagai anggota MT pada mesyuarat malam ini.

-- BERNAMA

ES NAK